



# ISLAM AGAMA BAGI PERSEKUTUAN

Selepas kes *Che Omar Che Soh lawan Pendakwaraya*, tafsiran Islam dalam Perlembagaan Persekutuan ditafsirkan semula dalam Kes *Lina Joy lawan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan & Ors*. Berbeza dengan kefahaman yang disebar luas, Islam seperti yang ditafsirkan oleh Mohd Salleh Abas, KHN bukanlah terbatas bagi acara dan ibadat ritual semata-mata. Sebaliknya, beliau menjelaskan Islam terpisah dalam ruang sempit undang-undang perkahwinan, perceraian dan harta pusaka sahaja. Itulah kefahaman para penggubal draf Perlembagaan Persekutuan yang melihat Islam dari sudut kerangka dikotomi. Pokok kekhilafan dalam pentafsiran Islam dalam kerangka Perlembagaan Persekutuan sebenarnya berlaku akibat pengabaian sejarah perundangan watan tanah air dan rujukan dibuat hanya berdasarkan pandangan orientalis atau golongan British-Malaya semata-mata. Menurut prinsip undang-undang, analisis prinsip kedaulatan dan perundangan sesebuah negara hendaklah menurut jurisprudens dan berdasarkan sumber-sumber primer tempatan yang berwibawa.

Pengabaian kaedah jurisprudens berasaskan sumber-sumber watan tanah air yang wujud sekian lama, menjangkau jauh ke zaman Empayar Kesultanan Melayu Melaka dapat dilihat dalam banyak penulisan kontemporari. Misalnya, Joshua (2017) menulis, “*Nonetheless, as shown*

above, the Alliance leaders, Sultans, the British, the Americans, the Malayan judges, newspapers journalists and editors, regular Malays, Sabahan and Sarawakians knew the federation as a unique secular state, with Islam given the official or ceremonial role". Joshua merumuskan Persekutuan sebagai sebuah Negara sekular hanya bersandarkan petikan pandangan pegawai British-Malaya, ahli politik tempatan seawal tahun 1952 dan petikan sebahagian Laporan Suruhanjaya Reid. Seperti pandangan sebahagian ahli politik dan masyarakat, Islam dalam Perkara 3 Perlembagaan Persekutuan dibataskan dengan hanya merujuk cadangan Perikatan yang dimasukkan dalam Laporan Suruhanjaya Reid. Cadangan itu berbunyi, "*the religion of Malaysia shall be Islam. The observance of this principle shall not impose any disability on non-muslim nationals professing and practising their own religions and shall not imply that the State is not a secular State*". Walhal terdapat cadangan lain daripada Hakim Abdul Hamid, salah seorang ahli Suruhanjaya Reid seperti berikut:

*Islam shall be the religion of the State of Malaya, but nothing in this Article shall prevent any citizen professing any religion other than Islam to profess, practice and propagate that religion, nor shall any citizen be under any disability by reason of his being not a Muslim.*

Kenyataan di atas jelas menunjukkan betapa terdapat pihak yang masih belum faham status sebenar Laporan Suruhanjaya Reid. Mereka seolah-olah tidak menyedari bahawa di sana terdapat Jawatankuasa Kerja 1957 yang bertanggungjawab untuk menimbangankan cadangan Suruhanjaya Reid sebelum draf Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu diangkat kepada Kerajaan British dan Raja-raja Melayu. Malahan, perlu dinyatakan di sini bahawa Kertas Putih Perlembagaan Persekutuan Tanah yang dibentangkan di Parlimen England masih belum cukup untuk mengabsahkan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 sekiranya Raja-raja Melayu tidak memperkenan Enakmen Negeri untuk menguatkuasakannya.

Justeru, makalah ini mempunyai dua objektif utama. Pertama, untuk menjelaskan tafsiran Islam dalam kerangka Perlembagaan Persekutuan. Kedua, untuk mengulas alasan penghakiman kes *Che Omar Che Soh*. Makalah ini mengemukakan sejarah perundangan tanah air untuk membahaskan isu-isu berkaitan. Keabsahan status Malaysia sebagai sebuah Negara Islam atau sebaliknya perlu dilandaskan pada kedudukan